

TAHNIAH MAHATHIR PADA TAIB MAHMUD
ATAS KEMENANGAN BN DI SARAWAK

Yang kalah

18 APR 1987

Jangan ganggu

lagi — PM

KEPUTUSAN
PENUH
DI MUKA 4

KUALA LUMPUR 17 April — Perdana Menteri hari ini mengingatkan mereka yang kalah dalam pilihanraya Sarawak supaya tidak lagi cuba melakukan tindakan - tindakan yang boleh merosakkan suasana negeri itu.

Serentak dengan ingatan ini, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mengucapkan tahniah kepada Datuk Patinggi Taib Mahmud dan rakan - rakannya yang mencapai kejayaan meskipun terpaksa menghadapi banyak dugaan. Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba pula menyifatkan kemenangan Barisan Nasional itu sebagai sokongan dan kepercayaan rakyat terhadap BN dan kewibawaan pemimpin - pemimpinnya sekarang. Para pemimpin parti - parti komponen BN lain turut juga menyifatkan kemenangan itu sebagai lambang kepercayaan rakyat.

Bagaimanapun, kemenangan yang agak besar oleh Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dalam pilihanraya yang berlangsung pada 15 dan 16 April lalu itu dianggap satu perkembangan baru yang harus diberi perhatian berat kerana keputusan pilihanraya itu menunjukkan kecenderungan rakyat memilih mengikut kaum. Dalam pada itu, kekalahan teruk DAP yang tidak memenangi satu kerusi pun dalam pilihanraya itu dianggap sebagai satu petanda bahawa rakyat Sarawak menolak corak politik DAP.

Di Kota Baharu: Perdana Menteri, Datuk Sri Dr.

LIHAT MUKA 6

Yang kalah jangan ganggu lagi — PM

Mahathir Mohamad menyifatkan kemenangan calon - calon Barisan Nasional sebagai cemerlang. Beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional mengucapkan tahniah kepada Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Taib Mahmud atas kejayaan yang dicapai itu sehingga dapat membentuk semula kerajaan Barisan Nasional di negeri itu. Berucap kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan dengan para perwakilan UMNO ke perhimpunan agung UMNO di Kuala Lumpur di kediaman rasmi Menteri Besar, di Kampung Sireh dekat sini hari ini. Perdana Menteri berkata, "saya berharap orang - orang yang kalah dalam pilihanraya Sarawak itu tidak lagi cuba

menimbulkan bermacam - macam tindakan yang boleh merosakkan suasana di Sarawak. "Saya anggap kejayaan calon - calon Barisan Nasional hasil dari keputusan pilihanraya tersebut sebagai cemerlang kerana banyak dugaan yang dilalui oleh Datuk Patinggi Taib Mahmud dan rakan - rakannya." Menjawab pertanyaan mengenai kemungkinan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) akan kembali dalam Barisan Nasional Sarawak, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Itu terpulanglah kepada kerajaan Barisan Nasional Sarawak menentukannya. Di **Johor Baharu:** Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba menyifatkan, kemenangan calon - calon Barisan Nasional dalam pilihanraya

Sarawak itu membuktikan sokongan rakyat tetap kepada BN dan percaya kepada kewibawaan pemimpinnya. Katanya, walaupun kemenangan BN agak tipis, berbanding dengan yang pernah diperolehi di masa lalu, tetapi kemenangan itu tetap membanggakan. Bercakap kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan ahli - ahli UMNO Johor, di kediaman Menteri Besar di Saujana di sini, Encik Ghafar menyatakan setinggi penghargaaannya kepada rakyat Sarawak yang memberikan kemenangan kepada calon BN dalam pilihanraya itu. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menentukan kejayaan BN dalam pilihanraya itu, termasuk

kepada Ketua Menteri Datuk Patinggi Taib Mahmud yang dilantik semula mengetuai kerajaan Sarawak subuh tadi. Mengulas mengenai nasib masa depan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dan pemimpinnya dalam Kerajaan Pusat, ekoran dari kegagalannya untuk menubuhkan kerajaan di Sarawak, kerana PBDS tewas dalam pilihanraya semalam, Encik Ghafar berkata, perkara itu akan diputuskan oleh mesyuarat jawatankuasa Barisan Nasional pusat yang akan diadakan tidak lama lagi. Bagaimanapun beliau tidak menjelaskan bila mesyuarat BN akan diadakan bagi membincangkan perkara tersebut. "Sekarang ini, kita sibuk dengan pemilihan Majlis Tertinggi UMNO, belum ada masa lagi nak mengadakan mesyuarat BN," jelasnya. Di **Kuala Lumpur** Presiden MIC, **Datuk S. Samy Vellu**, ketika mengulas kemenangan BN itu berkata, ia menunjukkan bahawa rakyat negeri itu percaya hanya kerajaan BN sahaja dapat membawa kemajuan dan pembangunan seterusnya di

sana. Beliau yang juga Menteri Kerja Raya menambah, bahawa beliau tidak pernah ragu - ragu yang rakyat di Sarawak akan mengekalkan kuasa pemerintahan kerajaan BN. Timbalan Presiden MCA, **Datuk Lee Kim Sai**, pula berkata, rakyat negeri Sarawak telah membuat pilihan yang tepat apabila mereka mengekalkan kerajaan BN di negeri itu.

Menteri Buruh itu menambah, kemenangan BN membuktikan bahawa parti tersebut tetap merupakan parti yang terbaik dan diyakini oleh rakyat. Dalam pada itu, Presiden MCA, **Datuk Dr. Ling Liong Sik**, dalam kenyataannya hari ini mengingatkan DAP supaya menyedari hakikat bahawa rakyat telah menolak "politik tong kosong" DAP yang tidak memberi kesan apa - apa itu.

Beliau yang juga Menteri Pengangkutan, berkata, rakyat sebaliknya telah memilih kerajaan BN yang mereka percaya dapat memberi kebaikan kepada mereka serta menyelesaikan masalah

yang mereka hadapi. Sambil mengucapkan tahniah kepada BN Sarawak di atas kemenangan itu, beliau memberi jaminan bahawa MCA akan terus bekerjasama dengan semua rakan parti komponen BN di dalam membangunkan rakyat. Bendahari Parti Gerakan, **Datuk Alex Lee**, pula menyeru PBDS yang memenangi 15 kerusi dalam pilihanraya kali ini supaya "membuka pintunya" kepada kaum - kaum lain dan bekerjasama dengan parti - parti lain demi kepentingan Negeri Sarawak dan rakyat di sana. Beliau yang juga Timbalan Menteri Pertanian, berpendapat bahawa kemenangan yang agak besar diperolehi oleh PBDS itu harus diberi perhatian berat memandangkan adanya kecenderungan mengundi mengikut kaum. Menteri Wilayah Persekutuan, **Datuk Haji Abu Hassan Omar**, pula berharap PBDS mengeneipkan sentimen mereka dan seterusnya memberikan sokongan kepada kerajaan BN yang baru dipilih semula.